

1 Susunkan sebahagian tatacara kitaran perakaunan berikut.

- I Lejar
- II Imbangan Duga
- III Dokumen Perniagaan
- IV Buku Catatan Pertama

- A III, I, IV dan II
- B III, IV, I dan II
- C IV I, III dan II
- D IV, III, I dan II

2 Apakah kegunaan maklumat dalam Penyata Kewangan kepada pihak pengurusan?

- A Melihat keupayaan perniagaan dalam pengurusan kredit dan juga dalam pembayaran hutang.
- B Mempertimbangkan kelulusan permohonan perniagaan untuk mendapatkan pinjaman bank.
- C Membolehkan strategi dibuat untuk mengembangkan perniagaan atau membaiki kelemahan.
- D Mengetahui sama ada perniagaan memperoleh untung atau rugi.

3 Penyataan berikut adalah tentang prinsip perakaunan yang berkaitan.

Prinsip ini memastikan wujudnya konsistensi dalam prosedur perakaunan yang digunakan dari satu tempoh perakaunan ke tempoh perakaunan yang lain.

Apakah prinsip perakaunan yang dimaksudkan dalam penyataan tersebut?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Usaha berterusan
- C Prinsip kos
- D Ketekalan

4 Berikut merupakan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Bilangan ahli 2 hingga 50 orang sahaja
- Liabiliti perniagaan terhad
- Penyata Kewangan perlu diedarkan kepada pemegang syer

Berdasarkan penyataan, perniagaan manakah menepati semua ciri di atas?

- A Antasha Berhad
- B Razak Enterprise
- C Hurairah Sdn. Bhd.
- D Perkongsian Merlin

- 5 Pilih pasangan yang betul bagi pengelasan komponen hasil dan belanja dalam Akaun Untung Rugi.

	Hasil	Belanja
I	Jualan	Belian
II	Kadar bayaran	Angkutan keluar
III	Faedah atas simpanan	Alat tulis
IV	Sewa diterima	Faedah atas pinjaman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 6 Manakah merupakan komponen dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang tepat?

	Komponen	Butiran
A	Liabiliti Semasa	Akaun Belum Bayar
B	Aset Bukan Semasa	Inventori Akhir
C	Aset Semasa	Pinjaman
D	Liabiliti Bukan Semasa	Overdraf Bank

- 7 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kedai Kristal.

Bayaran daripada Akaun Belum Terima berjumlah RM500 telah digunakan untuk menjelaskan gaji belum bayar RM300 dan selebihnya digunakan untuk bayaran insurans peribadi.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang RM500	Berkurang RM300	Berkurang RM200
B	Bertambah RM500	Bertambah RM300	Bertambah RM200
C	Berkurang RM500	Bertambah RM200	Berkurang RM300
D	Bertambah RM500	Berkurang RM200	Bertambah RM300

- 8 Carta akaun Kedai Topaz adalah seperti berikut:

Kod	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Belanja
4000 - 4999	Hasil

Apakah kod yang sesuai bagi Akaun Komisen belum terima?

- A 1190
 - B 2555
 - C 3434
 - D 4260
- 9 Antara berikut, manakah merupakan dokumen bukan sumber?
- I Slip bank
 - II Sebut harga
 - III Penyata akaun
 - IV Makluman debit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 10 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Bunga Ruby.

Pemilik telah mengambil sejangkak bunga untuk dihadiahkan kepada ibunya.

Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat bagi urus niaga di atas?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

- 11 Buku Tunai berikut diperoleh daripada Pemiagaan Adzim sepanjang bulan Ogos 2020.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2020		RM	RM	2020		RM	RM
Ogos 1	Baki b/b	500	800	Ogos 6	Perabot		860
10	Jualan	230		12	Belian	145	
17	Berjasa Enterprise		600	20	Zaim Enterprise		310
24	Jualan	430		27	Angkutan	85	
				30	Gaji		350

Berapakah baki tunai di tangan dan baki tunai di bank pada 1 September 2020?

	Tunai	Bank
A	Kredit RM930	Kredit RM120
B	Debit RM930	Debit RM120
C	Kredit RM930	Debit RM120
D	Debit RM930	Kredit RM120

- 12 Antara berikut, manakah bayaran yang direkodkan dalam Buku Tunai Runcit?

- I Tambang RM50
- II Gaji kerani RM300
- III Mesin pencetak RM250
- IV Sampul surat berdaftar RM60

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 13 Manakah **benar** tentang peraturan merekod urus niaga ke dalam lejar?

- A Akaun Modal didebitkan apabila bertambah.
- B Akaun Pinjaman dikreditkan apabila berkurang.
- C Akaun Belum Terima didebitkan apabila berkurang.
- D Akaun Faedah Simpanan dikreditkan apabila bertambah.

- 14 Manakah catatan bergu yang betul untuk merekod cek tak layan yang diterima daripada seorang pelanggan?

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Belum Bayar
B	Akaun Belum Bayar	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Akaun Bank

- 15 Maklumat berikut diperolehi dari buku Perniagaan Auni pada 30 Jun 2020.

Akaun Belum Terima					
2020			2020		
Jun 1	Baki b/b	500	Jun 30	Bank	2 700
30	Jualan	9 000		Pulangan masuk	300
	M	390		Hutang lapuk	140
				Baki h/b	6 750
		<u>9 890</u>			<u>9 890</u>

Apakah M?

- A Faedah
 B Diskaun diterima
 C Angkutan masuk
 D Kontra
- 16 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada Kedai Anaqi.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2020 (Petikan)		
	Debit RM	Kredit RM
Modal		65 000
Lengkapan	18 600	
N	95	
O		280

Apakah N dan O?

	N	O
A	Diskaun Diterima	Diskaun Diberi
B	Alat Tulis	Ambilan
C	Tunai Runcit	Pulangan Keluar
D	Angkutan Keluar	Angkutan Masuk

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Syarikat Malika Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2020.

	RM
Jualan	72 500
Pulangan belian	1 540
Belian	43 800
Inventori awal	12 850
Inventori akhir	18 700

Berapakah Kos Jualan?

- A RM24 390
 B RM36 090
 C RM36 410
 D RM48 110
- 18 Apakah kesan yang tepat bagi Akaun Modal?

	Butiran	Kesan
I	Ambilan	Mengurangkan modal
II	Rugi bersih	Menambahkan modal
III	Modal tambahan	Mengurangkan modal
IV	Untung Bersih	Menambahkan modal

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 19 Manakah pernyataan yang **benar** bagi sewa belum terperoleh?

- A Sewa yang sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan semasa tetapi masih belum dibayar.
- B Sewa yang sepatutnya diterima tetapi masih belum diterima dalam tempoh perakaunan semasa.
- C Sewa yang sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan akan datang tetapi telah dibayar dalam tempoh perakaunan semasa.
- D Sewa yang sepatutnya diterima bagi tempoh perakaunan akan datang tetapi telah diterima dalam tempoh perakaunan semasa.

20 Manakah catatan penutup yang betul bagi Akaun Diskaun Diberi?

Akaun Diskaun Diberi					
2020		RM	2020		RM
Jun 30	Akaun Belum Terima	320	Jun 30	Akaun Perdagangan	320
		<u>320</u>			<u>320</u>

Akaun Diskaun Diberi					
2020		RM	2020		RM
Jun 30	Akaun Perdagangan	320	Jun 30	Akaun Belum Terima	320
		<u>320</u>			<u>320</u>

Akaun Diskaun Diberi					
2020		RM	2020		RM
Jun 30	Akaun Belum Terima	320	Jun 30	Akaun Untung Rugi	320
		<u>320</u>			<u>320</u>

Akaun Diskaun Diberi					
2020		RM	2020		RM
Jun 30	Akaun Untung Rugi	320	Jun 30	Akaun Belum Terima	320
		<u>320</u>			<u>320</u>

21 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Butik Pakaian Fira.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2019

	RM	RM
Lengkapan	12 500	
Susut Nilai Berkumpul Lengkapan		4 500

Maklumat tambahan:

- Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Pada 31 Disember 2019, lengkapan tersebut telah dijual dengan harga RM6 000.

Berapakah untung atau rugi pelupusan lengkapan tersebut?

- Untung pelupusan lengkapan RM400
- Rugi pelupusan lengkapan RM400
- Untung pelupusan lengkapan RM500
- Rugi pelupusan lengkapan RM500

22 Apakah fungsi Imbangan Duga Terselaras?

- A Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- B Menyenggara baki debit dan kredit daripada akaun-akaun di lejar
- C Menyemak ketepatan pengiraan dalam Buku Catatan Pertama dan lejar
- D Memastikan segala rekod pelarasan yang dibuat adalah betul dan seimbang

23 Apakah rumus untuk mengira Modal Kerja?

- A Jumlah aset – Jumlah liabiliti
- B Jumlah aset semasa – Jumlah liabiliti
- C Jumlah aset semasa – Jumlah liabiliti semasa
- D Jumlah aset bukan semasa + Jumlah aset semasa – Jumlah liabiliti semasa

24 Bayaran pengubahsuaian premis RM65 000 yang dijelaskan pada 31 Disember 2019 telah tersalah catat dalam Akaun Penyelenggaraan Premis.

Apakah catatan Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan tersebut?

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Penyelenggaraan Premis Bank		RM 65 000	RM 65 000

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Bank Penyelenggaraan premis		RM 65 000	RM 65 000

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Penyelenggaraan Premis Premis		RM 65 000	RM 65 000

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2019 Dis. 31	Premis Penyelenggaraan premis		RM 65 000	RM 65 000

- 25 Kesilapan berikut dikesan dalam urus niaga Kedai Runcit Ahmad.

Encik Ahmad mengambil barang niaga bernilai RM150 untuk kegunaan sendiri dan tidak direkodkan dalam mana-mana buku.

Apakah kesan ke atas Penyata Kewangan selepas pembetulan kesilapan dilakukan?

	Kos Jualan	Untung Kasar
A	Bertambah	Berkurang
B	Berkurang	Bertambah
C	Bertambah	Bertambah
D	Berkurang	Berkurang

- 26 Manakah analisis yang menunjukkan Perniagaan Irish lebih cekap berbanding Perniagaan Idlan?

	Jenis Nisbah	Perniagaan Irish	Perniagaan Idlan
I	Kadar Pusing Ganti Inventori	15 kali	8 kali
II	Tempoh Kutipan Hutang	70 hari	77 hari
III	Pulangan Atas Modal	59.3%	66.2%
IV	Margin Untung Bersih	48.1%	53.9%

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 27 Antara berikut, manakah maklumat yang diperolehi daripada Buku Tunai bagi menyediakan Penyata Kewangan dengan menggunakan kaedah analisis?

- I Baki awal tunai dan bank
 II Ambilan barang niaga dan tunai
 III Memasukkan wang tunai ke dalam bank
 IV Belian barang niaga secara tunai dan kredit

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

- 28 Penyata mengira untung rugi bagi Kedai Runcit Faris ditunjukkan seperti berikut:

Kedai Runcit Faris	
Penyata mengira untung rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2020	
	RM
Modal pada 31 Julai 2020	140 200
P	<u>1 900</u>
	142 100
Tolak: Modal pada 1 Ogos 2019	<u>115 100</u>
Untung bersih	<u>27 000</u>

Apakah P?

- A Faris memberi derma bernilai RM1 900 kepada anak-anak yatim dalam bentuk wang tunai dan barang niaga.
- B Faris membawa masuk perabot bernilai RM1 900 untuk meletakkan barang jualannya di kedai.
- C Faris membuat sumbangan wang tunai RM1 900 bagi Program Ceria Sekolahku.
- D Faris mengambil barang niaga bernilai RM1 900 untuk anak-anaknya.
- 29 Manakah butiran yang dicatat dalam Akaun Bank tetapi tidak dicatat dalam Penyata Bank?
- A Perintah sedia ada seperti bayaran untuk insurans dan sewa.
- B Peniaga mengeluarkan cek tetapi masih belum ditunaikan di bank.
- C Cek yang didepositkan oleh pelanggan dipulangkan semula oleh bank.
- D Pihak bank mendebitkan pembayaran di Penyata Bank dan peniaga tidak mengetahuinya.
- 30 Manakah **benar** bagi senarai penerimaan dan pembayaran Perniagaan Ikhwan dalam menyediakan Belanjawan Tunai?

	Penerimaan	Pembayaran
A	Pinjaman bank	Dividen
B	Belian	Lengkapan
C	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
D	Faedah atas simpanan	Pinjaman bank

- 31 Apakah butiran yang direkodkan di bahagian kredit Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Faedah atas ambilan
 - B Faedah atas pinjaman pekongsi
 - C Faedah atas modal
 - D Gaji pekongsi
- 32 Apakah perbezaan bagi persembahan Penyata Kedudukan Kewangan antara perniagaan milikan tunggal dengan perniagaan perkongsian?
- A Liabiliti Bukan Semasa
 - B Liabiliti Semasa
 - C Ekuiti Pemilik
 - D Aset Semasa
- 33 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada sebuah perkongsian yang dibubarkan.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020 (Petikan)

Aset Semasa	RM
Akaun Belum Terima	3 360

Maklumat tambahan:

Sejumlah RM3 000 dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Realisasi bagi urus niaga tersebut?

- A
- | Akaun Realisasi | |
|--------------------|-------|
| RM | RM |
| Akaun Belum Terima | 3 000 |
- B
- | Akaun Realisasi | |
|-----------------|-------|
| RM | RM |
| Bank | 3 000 |
- C
- | Akaun Realisasi | |
|--------------------|-------|
| RM | RM |
| Akaun Belum Terima | 3 360 |
- D
- | Akaun Realisasi | |
|-----------------|-------|
| RM | RM |
| Bank | 3 360 |

- 34 Manakah catatan bergu yang betul untuk merekodkan terbitan syer?

	Debit	Kredit
A	Akaun Permohonan Syer	Akaun Modal Syer
B	Akaun Modal Syer	Akaun Permohonan Syer
C	Akaun Modal Syer	Akaun Bank
D	Akaun Bank	Akaun Modal Syer

- 35 Pada 1 Januari 2019, Syarikat Monstera Berhad telah menerbitkan syer seperti berikut.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • 400 000 unit 5% Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer • 500 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer |
|---|

Pada 31 Disember 2019, syarikat telah memperoleh keuntungan sebanyak RM75 000 untuk pembayaran dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan pemegang syer biasa.

Berapakah kadar dividen akhir yang diperuntukkan oleh Syarikat Monstera Berhad kepada pemegang syer biasa?

- A 7%
- B 9%
- C 11%
- D 15%
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kelab Badminton Taman Daya.

	1 Ogos 2019	31 Julai 2020
	RM	RM
Yuran Belum Terima	6 000	1 920
Yuran Belum Terperoleh	3 680	2 400

Yuran yang diterima sepanjang tahun kewangan berjumlah RM86 800 dan bilangan ahli kelab ialah 350 orang. Berapakah yuran tahunan bagi setiap seorang ahli?

- A RM264
- B RM256
- C RM248
- D RM240

37 Antara berikut, butiran manakah merupakan pendapatan hasil bagi Kelab Futsal Cergas?

- I Sewa gelanggang
- II Jualan alatan sukan
- III Yuran Pertandingan Futsal
- IV Derma untuk membina gelanggang

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

38 Kos buruh tak langsung ialah ...

- A gaji pekerja pejabat
- B gaji operator kilang
- C gaji pengurus kilang
- D gaji pengurus besar

39 Maklumat berikut menunjukkan kos yang terlibat dalam pengeluaran produk sebuah kilang.

	RM
Royalti kilang	9 900
Alat tulis kilang	800
Gaji operator kilang	26 200
Gaji pengurus kilang	12 500
Elektrik dan air kilang	3 350

Berapakah kos overhead kilang?

- A RM16 650
- B RM26 550
- C RM42 850
- D RM52 750

40 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran sos cili oleh Ferhat Aslan Enterprise.

	RM
Kos tetap	30 000
Harga jualan seunit	9
Margin caruman seunit	5

Berapakah titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak RM10 000?

- A 6 000 botol
- B 7 500 botol
- C 8 000 botol
- D 10 000 botol

- KERTAS SOALAN TAMAT -